

**Mansuh caj: PTPTN serah kepada PM  
Utusan Online  
24 Mei, 2012  
Oleh ABDUL YAZID ALIAS**

SHAH ALAM 23 Mei - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memutuskan cadangan pemansuhan satu peratus caj perkhidmatan yang dikenakan perbadanan itu.

Pengerusinya, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang keputusan rasmi mengenai cadangan itu dan masih meneruskan dasar caj perkhidmatan sedia ada.

Menurutnya, caj perkhidmatan itu dikenakan kerana pihaknya perlu menampung kos pentadbiran termasuk membuka beberapa cawangan PTPTN di seluruh negara.

"Oleh itu, kita serahkan kepada kementerian dan Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung sebarang keputusan mengenai pemansuhan caj berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) PTPTN di Dewan Agong Tuanku Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini hari ini.

Penyerahan WPP itu disempurnakan oleh Koordinator Barisan Nasional Selangor, Datuk Seri Ir. Mohd. Zin Mohamed.

Semalam, Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dalam program debat dengan Pengarah Strategik, Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohd. Rafizi Ramli mencadangkan caj perkhidmatan PTPTN sebanyak satu peratus tersebut dimansuhkan.

Cadangan itu merupakan antara perkara yang terkandung dalam resolusi Persidangan Meja Bulat Mahasiswa Nasional anjuran Biro Institusi Pengajian Tinggi Pemuda UMNO bersama PTPTN pada 11 April lalu.

Sementara itu, Ismail ketika mengulas mengenai penyerahan WPP memberitahu, seramai 32,777 pelajar diploma di seluruh negara yang akan mengikuti pengajian di pusat pengajian tinggi bagi sesi kemasukan Jun ini layak menerima bantuan permulaan tersebut.

Katanya, semua mereka menerima wang pendahuluan sebanyak RM1,500 melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM49 juta.

Di Selangor sahaja, kata beliau, PTPTN memperuntukkan sebanyak RM8.5 juta wang WPP untuk disalurkan kepada seramai 5,660 pelajar.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0524&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm)